

RINGKASAN EKSEKUTIF

# RANCANGAN MALAYSIA KEDUA BELAS

---

2021-2025

MALAYSIA MAKMUR, INKLUSIF, MAMPAH



“ Kejayaan pelaksanaan dan pencapaian objektif serta matlamat RMKe-12 banyak bergantung kepada komitmen semua pihak, terutama anak muda, berlandaskan semangat Keluarga Malaysia. ”

# Prakata

Rancangan Malaysia Kedua Belas 2021-2025 (RMKe-12) adalah bertujuan untuk menangani isu semasa dan pada masa sama, memulih serta merancakkan semula pembangunan sosioekonomi Malaysia untuk kemampanan dan kemakmuran jangka panjang. RMKe-12 akan membolehkan seluruh Keluarga Malaysia melangkah ke hadapan dengan menstruktur semula ekonomi negara sebagai asas kepada kesejahteraan rakyat. Pelan pembangunan dengan objektif '**Malaysia Makmur, Inklusif, Mampan**' ini merangkumi separuh pertama pelaksanaan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030.

RMKe-12 ialah agenda besar pemulihan negara dalam usaha Kerajaan mengembalikan kestabilan ekonomi rakyat serta menjana semula dan merancakkan pertumbuhan ekonomi negara secara menyeluruh. Rancangan ini dirangka berdasarkan pendekatan dari bawah ke atas, dengan mengambil kira pandangan semua pemegang taruh. Dalam penyediaan RMKe-12 ini, libat urus yang menyeluruh telah diadakan secara fizikal dan maya. Sesi libat urus ini membabitkan kementerian, agensi, kerajaan negeri, Ahli-ahli Parlimen, sektor swasta, akademia, pertubuhan masyarakat sivil, organisasi antarabangsa dan orang awam.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang komited dalam mengemukakan input dan cadangan bagi memastikan pembangunan negara terus mampan, sekali gus melepassi kekalutan pandemik COVID-19 dan kegawatan ekonomi yang kita hadapi.

Selaras dengan tema RMKe-12, matlamat kita menjelang tahun 2025 antara lain adalah untuk mengembalikan kesejahteraan dan kemakmuran dengan meningkatkan kuasa beli rakyat, merapatkan jurang sosioekonomi dan memastikan kelestarian alam sekitar. Peranan sektor swasta akan dicergaskan semula sebagai pemacu pertumbuhan ekonomi negara. Sungguhpun Malaysia berada dalam tempoh sukar pandemik COVID-19, kita, sebagai Keluarga Malaysia berpeluang menyusun semula ekonomi negara dan terus bersama mengorak langkah ke hadapan.

RMKe-12 adalah bukti komitmen Kerajaan ini dalam meneraju dan menyusun langkah bagi mendepani apa jua situasi. Terdapat pelbagai pendekatan baharu yang boleh dilaksanakan, namun bagi menyesuaikan dengan kebiasaan baharu, kita perlu mendakap erat prinsip kebersamaan, keluar daripada zon selesa dan mengorak langkah ke hadapan dengan yakin, berbekalkan hala tuju yang jelas. Dalam keadaan dunia hari ini yang serba tidak menentu, kita perlu menjayakan pelaksanaan Rancangan ini dengan sentiasa melakukan penilaian berkala dan lebih fleksibel dalam bertindak balas. Langkah ini adalah selari dengan hasrat Kerajaan untuk memastikan tiada rakyat Malaysia yang tercicir atau terpinggir dalam arus pembangunan.

Insya-Allah, RMKe-12 akan berperanan sebagai rangka tindakan bagi membina semula ekonomi yang berdaya tahan ke arah '**Malaysia Makmur, Inklusif, Mampan**'. Sesungguhnya, kejayaan pelaksanaan dan pencapaian objektif serta matlamat RMKe-12 banyak bergantung kepada komitmen semua pihak, terutama anak muda. Oleh itu, marilah kita bekerja bersama demi menjayakan agenda pembangunan negara berlandaskan semangat Keluarga Malaysia.



**DATO' SRI ISMAIL SABRI YAAKOB**

Perdana Menteri Malaysia  
Putrajaya

September 2021

# Kata Aluan

Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025 (RMKe-12) yang merupakan pelan jangka sederhana dengan objektif '**Malaysia Makmur, Inklusif, Mampan**', adalah permulaan kepada fasa baharu dalam hala tuju pembangunan negara – Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB 2030).

RMKe-12 menggariskan tindak balas dasar yang menyeluruh dalam mendepani situasi yang mencabar akibat pandemik COVID-19. Dasar di bawah RMKe-12 disusun untuk mencapai pertumbuhan ekonomi yang mampan, dengan memberi tumpuan kepada agihan kekayaan yang lebih saksama, kesejahteraan rakyat dan kelestarian alam sekitar. RMKe-12 memperkenalkan pendekatan baharu yang membawa perubahan berdasarkan tiga tema, empat pemangkin dasar dan 14 pamacu perubahan. Pendekatan ini penting bagi menyediakan asas yang kukuh demi masa hadapan negara. Ia juga adalah pemangkin untuk memulihkan pertumbuhan ekonomi, menangani cabaran sosioekonomi, mengimbangi pembangunan antara wilayah serta meningkatkan daya saing negara. Pelaksanaan pendekatan ini akan menjadikan Malaysia sebuah negara yang lebih berdaya tahan dan mampan di pentas dunia.

Tiga tema RMKe-12 adalah menjana semula ekonomi; memperkuuh keselamatan, kesejahteraan dan inklusiviti; dan melonjakkan kemampunan. Manakala empat pemangkin dasar RMKe-12 memberi tumpuan kepada usaha membangunkan bakat masa hadapan; mempercepat penerimugunaan teknologi dan inovasi; menambah baik ketersambungan dan infrastruktur pengangkutan; dan memperkuuh perkhidmatan awam. Kesemua 14 pamacu perubahan merupakan langkah yang berani dan inovatif untuk mencetus anjakan pemikiran serta mengubah pendekatan dalam membangunkan negara.

Secara keseluruhannya, tema, pemangkin dasar dan pamacu perubahan ini akan membolehkan Malaysia mencapai objektif untuk menjadi negara berpendapatan tinggi. Kunci kejayaan RMKe-12 adalah pelaksanaan yang berkesan dan komitmen yang tidak berbelah bahagi daripada semua pihak. Dalam hubungan ini, sektor awam dan swasta, pertubuhan masyarakat sivil dan rakyat perlu bergandingan untuk memastikan objektif RMKe-12, dan seterusnya matlamat WKB 2030 tercapai. Insya-Allah, dengan iltizam dan kegigihan, kita akan berjaya.



**DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED**  
Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi)  
Putrajaya

September 2021

“ RMKe-12 memperkenalkan pendekatan baharu yang membawa perubahan berdasarkan tiga tema, empat pemangkin dasar dan 14 pemacu perubahan bagi menyediakan asas yang kukuh demi masa hadapan negara. ”





Malaysia Makmur,  
Inklusif, Mampan

# Pendahuluan

Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025 (RMKe-12) merupakan satu transformasi. Walaupun disediakan berdasarkan rancangan sebelumnya, RMKe-12 menetapkan asas bagi merealisasikan semangat Keluarga Malaysia yang akan mengubah landasan pembangunan negara bagi tempoh lima tahun akan datang untuk mencapai Malaysia yang makmur, inklusif dan mampan.

Beberapa pemacu perubahan dan inisiatif yang radikal akan dilaksanakan. Ini termasuk program mengurangkan golongan miskin dan meningkatkan taraf hidup rakyat. Golongan miskin tegar dan miskin bagi kumpulan 10% terendah desil pendapatan isi rumah (B1) akan diberi perhatian khusus. RMKe-12 akan menangani masalah kemiskinan tanpa mengira jantina, etnik, status sosioekonomi dan lokasi.

Hala tuju pembangunan Malaysia dalam tempoh 10 tahun akan datang adalah berpandukan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB 2030) yang bermatlamat untuk mencapai negara yang bersatu, makmur dan bermaruah. Ekonomi Malaysia telah mencatatkan kadar pertumbuhan yang tinggi sebanyak 6.2% setahun dalam tempoh 1971 sehingga 2015. Walaupun ia menyederhana kepada 2.7% setahun dalam tempoh 2016 sehingga 2020, kadar pertumbuhan Malaysia masih jauh lebih baik berbanding kebanyakan negara baru muncul dan membangun. Pertumbuhan ekonomi yang secara relatifnya tinggi telah meningkatkan kesejahteraan rakyat dan merapatkan jurang ketidaksamarataan pendapatan.

Pandemik penyakit Coronavirus 2019 (COVID-19) yang bermula pada tahun 2020 telah mengubah dengan ketara cara perniagaan beroperasi serta kaedah manusia berinteraksi. Ia juga telah meningkatkan penggunaan teknologi digital. Pandemik ini juga telah melebarkan jurang ketidaksamarataan dan ketidakseimbangan sosioekonomi. Sebagai sebuah Kerajaan yang prihatin terhadap keperluan rakyat dalam menghadapi krisis, pendekatan 6R<sup>1</sup> telah dilaksanakan bagi mengurangkan kesan pandemik. Pelan Pemulihan Negara (PPN) telah diperkenalkan pada Jun 2021 sebagai strategi untuk keluar dari Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) secara berfasa dari segi pergerakan manusia serta pembukaan semula sektor ekonomi dan sosial. Peralihan antara fasa adalah berdasarkan kepada pendekatan berpandukan data melalui tiga indikator utama, iaitu jumlah kes baharu setiap hari, kadar penggunaan katil di wad unit rawatan rapi dan peratusan penduduk yang telah divaksinasi. Penyediaan RMKe-12 telah mengambil kira pendekatan 6R yang melibatkan lapan pakej rangsangan ekonomi yang berjumlah RM530 bilion dan peralihan secara berfasa dalam PPN.

RMKe-12 yang merupakan separuh pertama WKB 2030 adalah amat penting bagi mengharungi cabaran semasa dalam konteks global dan domestik. Ia dijangka akan melonjakkan ekonomi negara dan memantapkan semula peranan Malaysia dalam ekonomi dunia. Rancangan ini akan memangkin pertumbuhan, memastikan ekonomi dipulihkan dan membina semula ekonomi negara bagi mencapai kemakmuran, inklusiviti dan kemampunan. Pertumbuhan ekonomi serta agihan kekayaan yang lebih saksama akan mengurangkan jurang antara kumpulan pendapatan, etnik, wilayah dan rantaian bekalan dan pada masa yang sama memastikan kelestarian alam sekitar. RMKe-12 juga memberi tumpuan khusus kepada usaha-usaha menjamin keselamatan dan kedaulatan negara serta mengukuhkan perpaduan rakyat.

<sup>1</sup> Ketegasan (*Resolve*), Ketahanan (*Resilient*), Memulakan Semula (*Restart*), Pemulihan (*Recovery*), Memperkasa (*Revitalise*) dan Menyusun Semula (*Reform*).

RMKe-12 adalah bertunjangkan tiga tema iaitu menjana semula ekonomi, memperkuuh keselamatan, kesejahteraan dan inklusiviti serta melonjakkan kemampunan.

Empat pemangkin dasar, iaitu membangunkan bakat masa hadapan, mempercepat penerimaugunaan teknologi dan inovasi, menambah baik ketersambungan dan infrastruktur pengangkutan serta memperkuuh perkhidmatan awam akan menyokong pencapaian tema ini. Pemangkin dasar ini menjadi asas bagi membentuk pembangunan Malaysia sepanjang lima tahun akan datang dan tahun-tahun seterusnya. Kejayaan pelaksanaan RMKe-12 akan membawa kepada kemakmuran bersama, mempertingkat inklusiviti dan merintis jalan bagi menjadikan Malaysia sebagai negara yang lebih mampan untuk generasi akan datang. Ini akan mengembalikan kesejahteraan Keluarga Malaysia untuk jangka masa panjang.

Keutamaan pembangunan negara dalam RMKe-12 akan terus dijajar kepada Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) di bawah Agenda 2030 bagi Pembangunan Mampan (Agenda 2030). Penerimaan pendekatan keseluruhan negara adalah penting dalam pelaksanaan SDG. Selaras dengan prinsip “tiada sesiapa yang tertinggal”, inisiatif merakyatkan SDG akan dipergiat, serta komunikasi, pendidikan dan kesedaran awam (CEPA) akan diberi penekanan bagi mempertingkat pemahaman dan pelaksanaan SDG pada peringkat akar umbi.

## Malaysia yang Makmur, Inklusif dan Mampan pada Masa Hadapan

Objektif RMKe-12 adalah untuk Malaysia mencapai status negara yang makmur, inklusif dan mampan sejajar dengan WKB 2030 dan Agenda 2030. Pertumbuhan ekonomi yang mampan akan membolehkan pengagihan ekonomi secara lebih adil, saksama dan inklusif kepada semua kumpulan pendapatan, etnik dan wilayah. Ini akan menyediakan taraf hidup yang lebih baik kepada semua rakyat Malaysia. RMKe-12 juga merangkumi strategi dan inisiatif bagi memelihara keselamatan dan kedaulatan negara. Ini adalah penting untuk memastikan pembangunan sosioekonomi yang mampan.

RMKe-12 adalah bertunjangkan tiga tema yang menumpukan kepada usaha menjana semula ekonomi, memperkuuh keselamatan, kesejahteraan dan inklusiviti serta melonjakkan

kemampunan. Teras ini disokong oleh empat pemangkin dasar yang menumpukan kepada usaha membangunkan bakat masa hadapan, mempercepat penerimaan teknologi dan inovasi, menambah baik ketersambungan dan infrastruktur pengangkutan serta memperkuuh perkhidmatan awam bagi mencapai negara yang lebih makmur, inklusif dan mampan.

Selaras dengan RMKe-12 yang transformatif, pemacu perubahan yang merupakan idea baharu dan inovatif yang mencetus peralihan pemikiran dan mengubah dengan ketara pendekatan dalam membangunkan negara akan diperkenalkan. Pemacu perubahan ini akan memastikan Malaysia mencapai objektif WKB 2030, iaitu pertumbuhan mampan seiring dengan pengagihan yang adil dan saksama antara kumpulan pendapatan, etnik, wilayah dan rantaian bekalan. Kepentingan melaksanakan pembaharuan dan transformasi adalah seperti di *Paparan 1*. Ia juga adalah Pemacu Perubahan 1 dalam RMKe-12.

### Paparan 1

#### Kepentingan Melaksanakan Pembaharuan dan Transformasi

##### Mengapa pembaharuan dan transformasi diperlukan?

Pandemik COVID-19 memberi kesan kepada ekonomi di seluruh dunia dan status quo tidak wajar dikekalkan. Pertumbuhan negatif bagi empat suku tahunan disebabkan oleh kemerosotan aktiviti ekonomi. RMKe-12 dirangka dengan tujuan berikut:

- Membangun semula dan membina kembali ekonomi dengan lebih mantap.
- Menangani ketidaktentuan landskap ekonomi global.
- Mengatasi kelemahan dalam pendekatan pembangunan, tadbir urus dan pelaksanaan.
- Memberi harapan dan keyakinan mengenai masa hadapan negara, terutama kepada golongan belia.

##### Bagaimana ini dapat dicapai?

RMKe-12 dirangka untuk mentransformasi ekonomi negara. Bagi memastikan ia komprehensif, transformasi ini merangkumi perkara-perkara berikut:

- Mentransformasi kepimpinan melibatkan keseluruhan peringkat Kerajaan.
- Memantau prestasi di peringkat nasional dan melaksanakan intervensi penyelesaian masalah.
- Dasar yang mengutamakan rakyat diterapkan dalam perancangan sosioekonomi.
- Pendekatan keseluruhan negara digembleng bagi mencapai matlamat negara.
- Memperkuuh ekosistem tadbir urus.
- Sokongan politik untuk memastikan kejayaan perubahan dasar.
- Mempertingkat kerjasama dalam kalangan agensi kerajaan, sektor swasta, akademia, CSO dan rakyat.
- Memperkuuh identiti Malaysia, menerapkan nilai murni dan patriotisme.

##### Apakah hasil pelaksanaan?

- Pencapaian WKB 2030 dan Agenda 2030.
- Negara yang makmur, berpendapatan tinggi, inklusif, rendah karbon, berteknologi tinggi dan mampan.
- Negara yang berdaya saing pada peringkat global.
- Negara yang bersatu padu, harmoni dan bermaruah.

# Tema RMKe-12

Kerajaan komited untuk melaksanakan inisiatif radikal yang memacu perubahan bagi memastikan objektif kemakmuran, inklusiviti dan kemampuan dapat dicapai dalam tempoh RMKe-12. Penekanan akan diberi kepada usaha menjana semula ekonomi, memperkuuh keselamatan, kesejahteraan dan inklusiviti serta melonjakkan kemampuan.

## Tema 1

### Menjana Semula Ekonomi



Tema 1 memberi tumpuan kepada mengembalikan semula momentum pertumbuhan sektor ekonomi utama dan melonjakkan pertumbuhan industri strategik dan berimpak tinggi serta perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) untuk meletakkan pertumbuhan pada trajektori yang mampan dan juga untuk mengukuhkan kedudukan Malaysia dalam rantaian bekalan global. Malaysia akan beralih kepada aktiviti ekonomi yang bernilai tambah dan berkemahiran tinggi serta menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi yang dipacu oleh teknologi termaju. Dalam tempoh lima tahun akan datang, usaha bersepada akan dilaksanakan untuk mencergaskan semula semua sektor ekonomi iaitu perkhidmatan, pembuatan, pertanian, perlombongan dan pengkuarian serta pembinaan. Selain itu, pertumbuhan produktiviti akan dilonjakkan, pasaran ekspor diperluas, keberkesaan ekosistem pengantar kewangan diperkuuh, peranan kawasan perindustrian dan pengeluaran makanan dipergiat serta dasar dan tadbir urus ditambah baik. Tumpuan juga akan diberi untuk mempercepat pembangunan lapan industri dan aktiviti strategik dan berimpak tinggi, iaitu elektrik dan elektronik (E&E), perkhidmatan global (GS), aeroangkasa, kreatif, pelancongan, halal, pertanian pintar dan biojisim. Di samping itu, usaha akan dilaksanakan untuk mengukuhkan penyertaan PMKS dalam ekonomi dan meningkatkan keupayaan keusahawanan.

Tema 1 menggariskan dua pemacu perubahan dalam menjana semula ekonomi iaitu memacu industri strategik dan berimpak tinggi bagi melonjakkan pertumbuhan ekonomi dan mentransformasi PMKS sebagai pemacu pertumbuhan baharu. Pemacu Perubahan II bertujuan untuk meningkatkan sumbangan industri dan aktiviti strategik dan berimpak tinggi ini kepada ekonomi dengan memanfaatkan teknologi termaju, pendigitalan dan keupayaan khusus. Pelaburan sektor swasta juga akan dirangsang terutama yang mengutamakan elemen persekitaran, sosial dan tadbir urus (ESG) bagi menyokong agenda ekonomi hijau. Manakala, Pemacu Perubahan III akan mempercepat pembangunan PMKS melalui penerimanagaan teknologi dan pendigitalan bagi mengamalkan norma baharu dalam aktiviti perniagaan serta meningkatkan keupayaan usahawan Bumiputera. Di samping itu, tumpuan juga akan diberi untuk PMKS beralih daripada pasaran domestik kepada pasaran global dan memanfaatkan gerakan koperasi dalam pembangunan usahawan. Langkah ini bertujuan untuk meningkatkan daya saing dan ekosistem perniagaan sekali gus meningkatkan sumbangan PMKS kepada ekonomi.

## Tema 2

### Memperkuuh Keselamatan, Kesejahteraan dan Inklusiviti



Tema 2 memberi penekanan kepada pengukuhan keselamatan, kesejahteraan dan inklusiviti. Dalam memastikan pertahanan dan keselamatan negara, usaha pencegahan jenayah serta rehabilitasi dan kesiapsiagaan menghadapi kecemasan akan dipertingkat manakala kebajikan anggota Angkatan Tentera Malaysia dan penguasa kuasa akan ditambah baik. Keutamaan akan diberikan kepada pengukuhan tadbir urus keselamatan. Penyampaian perkhidmatan penjagaan kesihatan akan terus menjadi fokus dalam meningkatkan tahap kesihatan rakyat. Usaha untuk mempertingkat kesiapsiagaan melalui pelbagai jenis penyakit dan memperluas liputan penjagaan kesihatan akan diteruskan. Bekalan rumah mampu milik yang berkualiti akan dipertingkat dengan menambah baik akses kepada rumah mampu milik dan tadbir urus serta memastikan perumahan yang inklusif. Gaya hidup aktif dalam kalangan rakyat akan terus digalakkan dengan membangunkan ekosistem sukan yang menyeluruh. Perpaduan dalam kepelbagaian akan diperkuuh untuk mengekalkan masyarakat yang harmoni dan negara yang makmur. Menangani kemiskinan serta merapatkan jurang ketidaksamaan dalam kalangan kumpulan berpendapatan rendah, ketidaksamaan keberhasilan sosioekonomi Bumiputera, pembangunan sosioekonomi Orang Asli yang rendah dan ketersisihan sosial dalam kumpulan sasaran khusus akan diberi penekanan. Usaha akan dipergiat untuk mempercepat pembangunan yang lebih inklusif antara wilayah dan negeri, serta merapatkan jurang pembangunan antara kawasan luar bandar dan bandar. Pembangunan di Sabah dan Sarawak akan terus dipergiat untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi dan kesejahteraan rakyat.

Tema 2 memberi penekanan kepada empat pemacu perubahan, iaitu mempertingkat keselamatan dan perpaduan negara untuk pembinaan negara bangsa, memperkuuh sistem penjagaan kesihatan bagi memastikan negara yang sihat dan produktif, mentransformasi pendekatan bagi membiasmi kemiskinan tegar, serta mengandakan pertumbuhan negeri kurang membangun terutamanya di Sabah dan Sarawak bagi merapatkan jurang pembangunan. Dalam usaha membina negara bangsa dan mewujudkan persekitaran yang lebih kondusif bagi aktiviti ekonomi serta kehidupan yang selamat dan harmoni untuk rakyat, isi pertahanan dan keselamatan negara serta perpaduan akan terus diberi penekanan. Kemunculan pandemik COVID-19 telah menguji kekuatan dan respons sistem penyampaian penjagaan kesihatan di seluruh dunia. Oleh itu, memperkuuh sistem penjagaan kesihatan adalah penting untuk memastikan rakyat mempunyai akses yang saksama kepada perkhidmatan penjagaan kesihatan serta meningkatkan kesiapsiagaan dalam menghadapi krisis kesihatan pada masa hadapan. Menangani kemiskinan secara menyeluruh dan meningkatkan tahap kehidupan rakyat adalah pemangkin bagi mencapai inklusiviti yang lebih baik dan meningkatkan kehidupan terutama miskin tegar, B40 dan kumpulan mudah terjejas. Usaha ini akan mengurangkan jurang pendapatan dan meningkatkan taraf hidup isi rumah dalam kalangan kumpulan pendapatan dan etnik yang berbeza. Potensi negeri kurang membangun akan dioptimumkan. Aktiviti ekonomi akan dipergiat manakala infrastruktur dan ketersambungan akan dipertingkat. Dalam hubungan ini, nisbah pendapatan luar bandar kepada bandar akan ditambah baik, manakala KDNK per kapita, purata pertumbuhan KDNK dan pendapatan penengah isi rumah negeri kurang membangun akan terus meningkat.

## Tema 3

### Melonjakkan Kemampuan



Tema 3 memberi tumpuan kepada mempercepat pertumbuhan hijau serta mempertingkat kemampuan tenaga dan mentransformasi sektor air. Tempoh lima tahun akan datang bakal menyaksikan peralihan seluruh negara kepada amalan ekonomi dan gaya hidup yang lebih mampan yang menghargai khazanah semula jadi dan kesihatan alam sekitar. Peralihan ini akan menangani isu perubahan iklim, amalan penggunaan dan pengeluaran yang tidak mampan, kehilangan biodiversiti, pelaksanaan dasar yang tidak selaras dan pengurusan sumber air yang tidak cekap. Dalam tempoh RMKe-12, pertumbuhan hijau akan dipertingkat untuk mencapai kemampuan dan daya tahan. Perkongsian tanggungjawab bersama bagi mencapai matlamat negara rendah karbon akan diberi penekanan, manakala faedah daripada penggunaan sumber semula jadi akan dikongsi secara lebih saksama. Sektor tenaga dan air akan diuruskan secara menyeluruh dan mampan dengan mengimbangi keperluan bekalan dan permintaan. Pembangunan sektor tenaga akan berbandarkan prinsip trilema tenaga, manakala bagi sektor air tumpuan akan diberi dalam memastikan jaminan bekalan air untuk semua.

Dua pemacu perubahan akan dilaksanakan di bawah Tema 3, iaitu menerima guna ekonomi kitaran dan mempergiat penerimagauna pengurusan sumber air bersepada (IWRM). Peralihan kepada ekonomi kitaran akan mempertingkat kecekapan dan keberkesaan kos dengan ketara serta mengurangkan tekanan kepada alam sekitar. Ia juga akan menjadikan ekonomi lebih inovatif dan berdaya saing serta mewujudkan peluang baharu untuk pertumbuhan hijau. Langkah mempergiat penerimagauna IWRM merupakan fasa permulaan kepada transformasi sektor air. Pelaksanaan dasar dan strategi yang berkesan di bawah Tema 3 akan menyumbang kepada pertumbuhan yang lebih mampan dan berdaya tahan, serta pencapaian Agenda 2030.

# Pemangkin Dasar RMKe-12

Pencapaian sasaran yang ditetapkan di bawah tiga tema menjana semula ekonomi, memperkuuh keselamatan, kesejahteraan dan inklusiviti serta melonjakkan kemampuan disokong oleh empat pemangkin dasar yang difokuskan untuk membangunkan bakat masa hadapan, mempercepat penerimagunaan teknologi dan inovasi, menambah baik ketersambungan dan infrastruktur pengangkutan serta memperkuuh perkhidmatan awam. Pemangkin dasar ini membentuk asas dan komponen penting pembangunan Malaysia sepanjang lima tahun akan datang dan tahun-tahun seterusnya.

## Pemangkin Dasar 1



### Membangunkan Bakat Masa hadapan

Sasaran pertumbuhan dalam RMKe-12 akan memerlukan pembangunan bakat berkemahiran tinggi untuk memenuhi keperluan ekonomi yang berkembang. Walau bagaimanapun, masih terdapat isu yang berlariar di dalam pasaran buruh dan sektor pendidikan seperti peratusan pampasan pekerja (CE) kepada KDNK yang rendah, ketidakcukupan pasaran buruh, akses yang terhad kepada pendidikan yang berkualiti dan kelemahan tadbir urus institusi pendidikan. Pandemik COVID-19 telah meningkatkan kadar pengangguran dan mewujudkan norma baharu dalam cara rakyat bekerja dan perniagaan beroperasi. Oleh itu, RMKe-12 akan memberi tumpuan kepada pembangunan bakat masa hadapan dengan menjajarkan semula pasaran buruh, pendidikan dan latihan. Antara inisiatif utama yang akan dilaksana bagi penjajaran semula pasaran buruh termasuk menggalakkan CE yang lebih saksama, meningkatkan penyertaan tenaga buruh dan memperkuuh sistem yang menyokong pasaran buruh. Selain itu, sistem pendidikan dan latihan akan ditambah baik dengan meningkatkan kualiti pendidikan serta memanfaatkan teknologi baru muncul.

Menambah baik ekosistem pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (TVET) bagi membangunkan bakat tersedia masa hadapan akan diperkenal sebagai pemacu perubahan bagi memenuhi permintaan industri dengan lebih baik. Sebagai pemangkin utama dalam pembangunan sosioekonomi Malaysia, ekosistem TVET yang kukuh akan membolehkan negara menangani isu yang masih berlarutan seperti kebergantungan kepada pekerja asing serta CE dan outcome pelajar yang rendah. Teknologi baru muncul seperti realiti maya, realiti terimbuh dan kecerdasan buatan akan dimanfaatkan untuk menjadi pelengkap kepada aktiviti praktikal dalam pengajaran dan pembelajaran sedia ada serta penyelidikan dan pembangunan di dalam makmal dan bengkel. Pelaksanaan kesemua inisiatif ini akan menghasilkan pasaran buruh yang fleksibel yang seterusnya menyumbang kepada peningkatan taraf hidup rakyat.

## Pemangkin Dasar 2



### Mempercepat Penerimagunaan Teknologi dan Inovasi

Penerimaguna teknologi dan inovasi merupakan pemangkin asas bagi pertumbuhan di semua sektor. Proses pendigitalan akan dipercepat dan penerimagunaan teknologi termaju, khususnya teknologi Revolusi Perindustrian Keempat (4IR), akan digalakkan bagi mencapai ekonomi berasaskan teknologi tinggi. Melalui langkah ini, Malaysia akan menangani isu kekurangan infrastruktur dan perkhidmatan digital, tadbir urus yang tidak bersepadan, jurang digital yang melebar, keupayaan dan kemampuan penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan dan inovasi (R&D&C&I) yang rendah, serta penerimagunaan teknologi yang perlahaan. RMKe-12 akan mempercepat penerimagunaan teknologi digital dan teknologi termaju untuk mewujudkan peluang baharu. Ini akan memaksimumkan potensi ekonomi digital serta mencapai pertumbuhan sosioekonomi yang inklusif, bertanggungjawab dan mampu. Bakat dan kemahiran yang diperlukan untuk memacu ekonomi digital dan 4IR akan ditingkatkan manakala R&D&C&I akan dipergiat. Malaysia juga akan menarik pelaburan dalam ekonomi digital secara agresif untuk menjadi peneraju di rantau ini. Keutamaan akan diberi kepada mengarus perdana pendigitalan untuk mencapai pembangunan yang inklusif, mempercepat R&D&C&I serta memanfaatkan potensi teknologi termaju.

Pemangkin dasar ini menggariskan dua pemacu perubahan dalam mempercepat penerimagunaan teknologi dan inovasi. Pemacu ini adalah meningkatkan ketersambungan digital untuk pembangunan inklusif serta menjajarkan R&D untuk pengkomersialan, penjanaan kekayaan dan pertumbuhan ekonomi. Kejayaan melaksanakan pemangkin dasar ini antaranya akan memastikan 100% liputan 4G di kawasan berpenduduk, liputan 5G yang lebih luas, 100% isi rumah di bandar dan di luar bandar melalangga internet, perbelanjaan kasar R&D (GERD) kepada KDNK sebanyak 2.5%, sumbangan e-dagang kepada KDNK sebanyak 10.5% dan sumbangan ekonomi digital kepada KDNK sebanyak 25.5%. Pelaksanaan kesemua inisiatif ini dijangka meningkatkan daya saing dan daya tahan negara, sekali gus menjadikan Malaysia lebih bersedia mencapai status negara yang berdasarkan teknologi tinggi.

## Pemangkin Dasar 3



### Menambah Baik Ketersambungan dan Infrastruktur Pengangkutan

Pengangkutan dan logistik memainkan peranan penting dalam memudahkan cara pertumbuhan dalam semua sektor ekonomi. Penekanan akan terus diberikan kepada peningkatan ketersambungan batuan pertama dan akhir, daya saing industri dan memperkuuh tadbir urus sektor ini. Walaupun begitu, cabaran dalam memenuhi permintaan untuk ketersambungan yang lancar serta infrastruktur pengangkutan dan logistik yang berdaya harap terus menghalang usaha memenuhi permintaan yang semakin meningkat.

Penyediaan infrastruktur pengangkutan dan logistik yang cekap dan inklusif akan terus diberi perhatian dengan meningkatkan kebolehcapaian pengangkutan awam, mempertingkat fasilitasi perdagangan dan memperkuuh institusi serta rangka kerja kawal selia. Usaha akan dilaksana bagi menambah baik ketersambungan batuan pertama dan akhir melalui rangkaian rel dan jalan raya yang bersepadan antara lapangan terbang, pelabuhan, kawasan perindustrian dan bandar. Keupayaan infrastruktur dan perkhidmatan pelabuhan akan dipertingkat, manakala pendekatan pergerakan kargo pelbagai mod dengan pengendali perkhidmatan yang sama akan diguna pakai. Di samping itu, mentransformasikan ekosistem logistik bagi kecekapan yang lebih baik telah dikenal pasti sebagai pemacu perubahan bagi sektor logistik. Inisiatif akan diambil untuk memusatkan perancangan dan pembangunan hab logistik, mempercepat penerimagunaan teknologi, mendorong penggabungan dan pengambilalihan dalam kalangan pemain industri, menubuhkan agensi tunggal sempadan dan menghubungkan rangka kerja kawal selia bagi perugudangan dan ekonomi maritim. Usaha ini akan menyokong dan memudahkan aktiviti ekonomi dan menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi negara.

## Pemangkin Dasar 4



### Memperkuuh Perkhidmatan Awam

Pemangkin dasar ini pada asasnya menyokong semua tema dan pemangkin dasar yang lain bagi menggalakkan kesejahteraan rakyat serta memastikan pembangunan sosioekonomi di Malaysia secara berterusan. Sektor awam akan terus mempergiat pendigitalan, membuat keputusan berpaksikan rakyat, mempercepat pelaksanaan projek serta menyelaras dan meningkatkan kerjasama antara tiga peringkat kerajaan. Memandangkan terdapat jurang dalam bakat, ekosistem tadbir urus dan pengurusan projek, sektor awam akan terus diperkuuh dengan memberi penekanan kepada integriti dan ketelusan. Dalam tempoh RMKe-12, keutamaan akan diberi untuk membangunkan perkhidmatan awam yang berprestasi tinggi, meningkatkan pendekatan keseluruhan kerajaan serta memantapkan pengurusan belanjawan dan projek.

Transformasi perkhidmatan awam melalui pendekatan keseluruhan kerajaan akan menjadi pemacu perubahan dalam memastikan penyampaian perkhidmatan awam yang lebih cekap dan berkesan serta memanfaatkan sumber sedia ada secara optimum. Pendekatan ini penting untuk mengkaji dan menyusun semula struktur dan fungsi kementerian dan agensi serta memastikan pengasingan peranan dan tanggungjawab yang jelas antara Anggota Pentadbiran dan penjawat awam. Di samping itu, memperkuuh mekanisme pemilihan pegawai pengurusan tertinggi, menambah baik mekanisme pengambilan pegawai pengurusan dan profesional serta mempercepat pendigitalan akan meningkatkan lagi penyampaian perkhidmatan awam. Pelaksanaan pemangkin dasar ini, antara lain akan menambah baik pencapaian Malaysia untuk berada dalam kedudukan 30 teratas dalam Indeks Persepsi Rasuah dan sembilan teratas bagi subindeks Kecekapan Kerajaan dalam IMD World Competitiveness Yearbook serta memastikan 80% perkhidmatan dalam talian Kerajaan Persekutuan akan tersedia dari peringkat awal ke akhir pada tahun 2025.

## Cabaran dan Peluang

Sepanjang tempoh lima tahun akan datang, ekonomi Malaysia bakal berhadapan dengan beberapa cabaran dan peluang. Kadar pemulihan ekonomi bergantung kepada pelaksanaan vaksinasi dan pematuhan kepada prosedur operasi standard (SOP) serta keberkesanan langkah yang dilaksanakan di bawah pakej rangsangan. Peningkatan hutang dan defisit fiskal untuk membiayai pakej rangsangan tersebut akan menjelaskan kemampunan fiskal melainkan jika langkah tersebut disertai usaha konsolidasi fiskal dalam jangka sederhana. Pertumbuhan ekonomi yang berterusan dalam jangka sederhana akan bergantung juga kepada keupayaan meningkatkan kadar transformasi struktur serta peralihan kepada penghasilan produk dan perkhidmatan bernilai tambah yang lebih tinggi dalam semua sektor ekonomi. Ini akan memerlukan usaha yang berkesan bagi menangani jurang kemahiran dan bakat, memacu R&D&C&I dan meningkatkan kesiapsiagaan untuk menguasai teknologi baharu berikutan 4IR.

Dalam aspek sosial, peningkatan risiko kesihatan dan perubahan demografi menimbulkan beberapa cabaran. Peningkatan insiden penyakit tidak berjangkit (NCD) dan keperluan untuk menguruskan pandemik COVID-19, termasuk pelaksanaan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan, akan memberi tekanan yang lebih besar kepada sistem penjagaan kesihatan. Malaysia perlu membuat persiapan yang menyeluruh untuk menghadapi cabaran yang wujud berikutan peningkatan peratusan masyarakat tua menjelang tahun 2030. Negara berhadapan dengan cabaran menangani kemiskinan dan ketidaksamarataan serta keperluan meningkatkan taraf hidup B40 dan M40 dengan pendekatan yang lebih bersasar. Usaha untuk merapatkan jurang pembangunan antara wilayah juga menjadi cabaran. Walaupun kadar urbanisasi yang pesat menyediakan peluang ekonomi dan pekerjaan baharu, namun ia memberi cabaran untuk menyediakan infrastruktur serta bekalan tenaga dan bekalan air yang mencukupi.

Meskipun berdepan dengan cabaran ini, Malaysia akan memanfaatkan kekuatan dan kelebihan untuk mempercepat pembangunan sosioekonomi. Asas ekonomi makro yang kukuh, struktur ekonomi dan eksport yang pelbagai, inflasi yang rendah dan stabil serta sektor kewangan dengan modal yang kukuh terus menjadi kekuatan utama ekonomi Malaysia. Kedudukan Malaysia yang terletak berhampiran dengan ekonomi utama Asia membolehkannya menjadi hab kepada beberapa industri.

Kerajaan tetap komited untuk memastikan Malaysia terus menjadi destinasi pelaburan yang menarik dengan memperkenalkan pembaharuan dasar dan peraturan kawal selia serta penambahbaikan tadbir urus. Sektor swasta akan terus menjadi rakan pembangunan utama kepada Kerajaan selaras dengan Dasar Persyarikatan Malaysia dan akan terus memainkan peranan yang penting dalam merealisasikan matlamat WKB 2030 dan Agenda 2030. Ekosistem yang menyokong penyertaan sektor swasta dalam pembangunan akan terus ditambah baik seperti memudah cara peraturan kawal selia serta meningkatkan libat urus dan konsultasi dengan sektor swasta dalam merangka dasar. Penyampaian perkhidmatan awam akan diperkuuh bagi memudahkan urusan menjalankan perniagaan.

## Sasaran Terpilih RMKe-12

Dalam tempoh RMKe-12, ekonomi global dijangka kembali mencapai momentum pertumbuhan berikutan pemulihan daripada pandemik COVID-19. Perdagangan dunia dijangka meningkat sebanyak 5.3% setahun, disokong terutamanya oleh prestasi perdagangan yang lebih baik daripada pasaran baru muncul dan negara membangun. Seiring dengan pemulihan ekonomi global, ekonomi Malaysia dijangka berkembang antara 4.5% hingga 5.5% setahun, dengan PNK per kapita yang lebih tinggi, iaitu RM57,882 atau AS\$14,842 pada tahun 2025.

Usaha untuk mempercepat peningkatan produktiviti akan diteruskan di bawah RMKe-12. Ini akan menyumbang kepada pertumbuhan produktiviti buruh yang lebih tinggi. Tumpuan akan diberi untuk mempercepat kesediaan mendepani 4IR, menyediakan persekitaran yang menyokong ekonomi digital, mempergiat R&D&C&I serta membangunkan bakat yang diperlukan. Di samping itu, jangkaan keadaan pasaran buruh yang lebih baik membolehkan Malaysia mencapai semula tahap guna tenaga penuh dalam tempoh RMKe-12. Kadar upah dan gaji juga dijangka meningkat seiring dengan tumpuan yang lebih banyak diberikan kepada pertumbuhan ekonomi yang inklusif. Ini seterusnya akan menyumbang kepada pendapatan isi rumah yang lebih tinggi. Kesejahteraan rakyat dijangka terus ditambah baik, disokong oleh kemajuan ekonomi dan sosial serta keterangkuman pembangunan wilayah. Sasaran terpilih RMKe-12 adalah seperti di *Paparan 2*.

## Paparan 2

### Sasaran Terpilih RMKe-12

Indikator	Pencapaian RMKe-11	Sasaran RMKe-12
Pertumbuhan KDNK, setahun	2.7%	4.5%~5.5%
PNK Per Kapita, akhir tempoh	RM42,503	RM57,882
Pertumbuhan Produktiviti Buruh, setahun	1.1%	3.6%
Pampasan Pekerja, akhir tempoh (% daripada KDNK)	37.2%	40.0%
Purata Pendapatan Bulanan Isi Rumah, akhir tempoh	RM7,160	RM10,065
Pertumbuhan Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia, setahun	0.5%	1.2%

## Pemacu Perubahan

### Pemacu Perubahan I: Kepentingan Melaksanakan Pembaharuan dan Transformasi

RMKe-12 perlu bersifat transformasi bagi menangani ketidaktentuan ekonomi global, cabaran struktur ekonomi domestik dan kelemahan dalam pendekatan pembangunan. Dalam hal ini, antara elemen yang akan diterapkan dalam RMKe-12 adalah dasar yang mengutamakan rakyat, pendekatan keseluruhan negara dan sokongan politik. Ini akan memastikan kejayaan pelaksanaan WKB 2030 dan Agenda 2030. Pembaharuan dan transformasi adalah penting untuk mencapai negara yang makmur, berteknologi tinggi, inklusif dan mampan, seterusnya membolehkan Malaysia lebih bersatu padu, harmoni dan bermaruah.

### Tema 1: Menjana Semula Ekonomi

#### Pemacu Perubahan II: Memangkinkan Industri Strategik dan Berimpak Tinggi bagi Melonjakkan Pertumbuhan Ekonomi

Menjana semula ekonomi bagi menghadapi cabaran ekonomi semasa dan masa hadapan tertumpu kepada membina ketahanan dan daya saing dengan memanfaatkan penerimangunaan teknologi termaju, pendigitalan dan keupayaan khusus. Oleh itu, E&E, GS, aeroangkasa, kreatif, pelancongan, halal, pertanian pintar dan biojisim telah dikenal pasti sebagai industri dan aktiviti strategik, dan berimpak tinggi yang akan menjadi pemangkin pertumbuhan ekonomi. Dalam tempoh RMKe-12, usaha akan ditumpukan kepada mempercepat peralihan industri ini kepada yang lebih sofistikated dengan menghasilkan produk dan perkhidmatan yang bernilai ditambah yang tinggi, memperluas pasaran global dan manarik pelaburan berkualiti serta menyumbang kepada pencapaian agenda ekonomi hijau.

#### Pemacu Perubahan III: Mentransformasi Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana sebagai Pemacu Baharu Pertumbuhan

Mengutamakan pendigitalan PMKS sebagai agenda nasional merupakan pemacu perubahan utama bagi ekonomi. Ini akan membolehkan PMKS termasuk usahawan Bumiputera untuk melaksanakan transformasi, bersaing dan menembusi pasaran global. PMKS akan dilengkapkan dengan kemahiran bagi membolehkan mereka mendigitalkan operasi perniagaan menjelang tahun 2025. Bagi meningkatkan daya saing, PMKS juga akan dibantu untuk menghasilkan produk dan perkhidmatan yang setanding dengan piawaian antarabangsa. Ekosistem yang kondusif dan menyeluruh akan disediakan untuk menyokong PMKS. Ini termasuk memberi peluang kedua kepada usahawan yang telah mencuba namun menemui kegagalan kerana kejayaan tidak semestinya dicapai pada percubaan pertama. Pesuruhjaya akan dilantik untuk membantu perniagaan kecil menerima bayaran tepat pada waktunya dan menyelesaikan pertikaian pembayaran. Selain itu, gerakan koperasi akan lebih dimanfaatkan dalam membangunkan usahawan.

## **Tema 2: Memperkuuh Keselamatan, Kesejahteraan dan Inklusiviti**

### **Pemacu Perubahan IV: Memantapkan Keselamatan dan Perpaduan Negara untuk Pembinaan Negara Bangsa**

Keselamatan dan perpaduan negara terus menjadi keutamaan dalam mengekalkan sebuah negara yang teguh dan berdaya tahan. Pelan yang menyeluruh akan dilaksanakan dalam mengekang aktiviti yang menyalahi undang-undang di sempadan dan Dasar Industri Pertahanan dan Keselamatan Negara yang baharu akan diperkenal dalam memastikan keupayaan pertahanan dan keselamatan yang mampan. Di samping itu, penggunaan teknologi terkini yang meluas serta penglibatan yang besar daripada komuniti akan memudahkan pendekatan keseluruhan negara dalam membanteras jenayah. Menyedari keperluan untuk membina negara bangsa, interaksi sosial dalam kalangan rakyat akan terus dipupuk melalui program perpaduan, sukan dan aktiviti keagamaan. Patriotisme dan kesukarelawanan akan terus diperkuuh melalui penggunaan platform digital dan platform media lain bagi membina kesepadan sosial dan perpaduan untuk memastikan keamanan dan keharmonian.

### **Pemacu Perubahan V: Memperkuuh Sistem Penjagaan Kesihatan bagi Memastikan Negara yang Sihat dan Produktif**

Pandemik COVID-19 membuktikan pentingnya negara mempunyai sektor penjagaan kesihatan yang kukuh dan terdapat keperluan untuk menggunakan pendekatan keseluruhan negara bagi memastikan pengurusan wabak dan krisis kesihatan yang lebih baik pada masa hadapan. Iktibar daripada pengurusan pandemik COVID-19 akan dimanfaatkan bagi memperkuuh perkhidmatan penjagaan kesihatan. Sumber dan tanggungjawab akan diselaras serta perkhidmatan penjagaan kesihatan akan diperkemas melalui kerjasama antara sektor awam, swasta dan CSO. Di samping itu, sebuah model pembiayaan kesihatan yang lebih mampan akan diperkenal dan perkhidmatan penjagaan kesihatan akan didigitalkan untuk mempergiat penyampaian.

### **Pemacu Perubahan VI: Mentransformasi Pendekatan bagi Membasmi Kemiskinan Tegar**

Dalam menangani kemiskinan tegar, semua rakyat miskin tanpa mengira jantina, etnik, status sosioekonomi dan lokasi akan dibantu. Inisiatif berani dan radikal berdasarkan keperluan akan dibangunkan bagi membantu golongan miskin tegar dan miskin dalam kalangan B1. Inisiatif ini termasuk menubuhkan unit kemiskinan yang khusus di peringkat Persekutuan dan daerah, serta mewujudkan pangkalan data kemiskinan yang bersepadan dan berpusat. Potensi bagi pengenalan cukai khusus untuk membiayai program menangani kemiskinan akan dikaji. Pelaksanaan inisiatif ini akan memastikan kemiskinan tegar dapat dibasmi pada tahun 2025 di samping rakyat menikmati taraf kehidupan wajar.

### **Pemacu Perubahan VII: Menggandakan Pertumbuhan Negeri Kurang Membangun terutama Sabah dan Sarawak bagi Merapatkan Jurang Pembangunan**

Keutamaan akan diberi kepada Kedah, Kelantan, Perlis, Sabah, Sarawak dan Terengganu dengan mengagihkan sekurang-kurangnya 50% daripada keseluruhan peruntukan Perbelanjaan Pembangunan Asas<sup>2</sup> (DE Asas). Pembangunan negeri tersebut akan dipacu oleh nod pertumbuhan utama dan kawasan titik tumpuan sebagai hab aktiviti ekonomi. Kawasan luar bandar akan terus dibangunkan dengan mempergiat pembangunan industri dan mempelbagai aktiviti ekonomi melalui pertanian pintar dan berkelompok. Di samping itu, aktiviti rentas sempadan akan dipertingkat untuk mempercepat pembangunan sempadan. Beberapa projek bagi menambah baik infrastruktur dan ketersambungan akan dilaksanakan. Pelaksanaan kepada usaha ini akan mempercepat pertumbuhan di kawasan kurang membangun serta memastikan pembangunan yang lebih seimbang dan keterangkuman yang lebih baik.

<sup>2</sup> Peruntukan untuk program dan projek bagi mencapai objektif dan strategi yang disasarkan dalam Rancangan Malaysia Lima Tahun. Contoh program dan projek DE Asas adalah pembinaan sekolah, hospital, jalan raya, kawasan perindustrian dan program pembasmi kemiskinan.

### **Tema 3: Melonjakkan Kemampunan**

#### **Pemacu Perubahan VIII: Menerima Guna Ekonomi Kitaran**

Menyedari keperluan untuk menangani cabaran dalam mengimbangi pembangunan sosioekonomi dan kelestarian alam sekitar, model ekonomi kitaran akan diterima guna. Sektor awam dan swasta digalakkan untuk menerima pakai dan mengintegrasikan SDG dan prinsip ESG dalam membuat keputusan. Selain daripada mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan hijau dan memastikan jaminan sumber, ekonomi kitaran akan mengurangkan penjanaan sisa, pencemaran, pelepasan gas rumah kaca (GHG) dan kebergantungan kepada sumber asli. Bagi mempercepat peralihan kepada ekonomi kitaran, ekosistem yang menyokong akan disediakan, manakala lebih banyak model ekonomi perkongsian akan digalakkan. Penggunaan bahan dikitar semula dan kitar semula sisa pengeluaran akan dipertingkat, manakala tanggungjawab pengeluar dalam menguruskan produk mereka yang tamat tempoh hayat akan diperluas. Kesemua inisiatif ini akan mengembangkan ekonomi hijau dan memudah cara pencapaian masa hadapan yang rendah karbon.

#### **Pemacu Perubahan IX: Mempergiat Penerimangunaan Pengurusan Sumber Air Bersepadu**

Kerajaan menyedari bahawa sektor air perlu ditransformasi secara menyeluruh bagi menjamin bekalan dan kemampunan air. Pengurusan sumber air yang kurang berkesan, pemahaman yang terhad dan kurangnya kesedaran telah menyebabkan alam sekitar terjejas dan menimbulkan implikasi sosial seterusnya memberi kesan kepada pertumbuhan ekonomi. RMKe-12 akan menjadi asas kepada agenda transformasi sektor air yang komprehensif dengan mempergiat penerimangunaan IWRM. Pendekatan keseluruhan negara bagi melibatkan semua pihak berkepentingan akan diguna pakai untuk memupuk rasa pemilikan dan tanggungjawab bagi memelihara dan memelihara sumber yang berharga. Tadbir urus sumber air akan diperkujuh bagi menguruskan sumber air dengan berkesan melalui penyemakan undang-undang dan penubuhan pusat bersepadu untuk data dan R&D&C&I berkaitan air. Kemampunan kewangan penyedia perkhidmatan air akan dipertingkat supaya dapat memberikan perkhidmatan yang lebih baik.

### **Pemangkin Dasar 1: Membangunkan Bakat Masa Hadapan**

#### **Pemacu Perubahan X: Menambah Baik Ekosistem TVET bagi Membangunkan Bakat Tersedia Masa Hadapan**

Ketersediaan pekerja teknikal mahir adalah penting dalam menentukan kejayaan penerimangunaan Industri 4.0. Dalam hubungan ini, adalah penting jurang sedia ada dalam ekosistem TVET dikurangkan. Bagi mencapai hasrat ini, daya tarikan serta kualiti penyampaian dan latihan TVET akan dipertingkat melalui penambahbaikan akreditasi, pengiktirafan dan pensijilan. Sistem penarafan bagi institusi TVET akan diperkenalkan dengan agihan peruntukan akan berdasarkan kepada beberapa komponen termasuk kebolehpasaran, kadar upah graduan, kerjasama industri dan pelaksanaan inisiatif sosial di kawasan luar bandar. Ini akan menyediakan graduan TVET untuk menjadi bakat tersedia masa hadapan.

### **Pemangkin Dasar 2: Mempercepat Penerimangunaan Teknologi dan Inovasi**

#### **Pemacu Perubahan XI: Meningkatkan Ketersambungan Digital untuk Pembangunan Inklusif**

Keputusan Kerajaan untuk memperkenalkan perkhidmatan telekomunikasi sebagai utiliti awam akan meningkatkan ketersambungan internet yang membolehkan rakyat mendapat akses yang saksama serta pada kadar yang berpatutan, terjamin dan berkualiti. Dalam usaha merapatkan jurang digital, Kerajaan akan memastikan pelajar dan golongan mudah terjejas mendapat akses kepada peranti digital. Pelaksanaan Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) akan meningkatkan ketersambungan digital dan mencapai sepenuhnya liputan 4G di kawasan berpenduduk, serta membolehkan 100% isi rumah melanggan internet. Penubuhan Digital Nasional Berhad (DNB) akan mempercepat penyediaan liputan 5G untuk pengalaman pengguna yang lebih baik.

## Pemacu Perubahan XII: Menjajarkan Penyelidikan dan Pembangunan untuk Pengkomersialan, Penjanaan Kekayaan dan Pertumbuhan Ekonomi

Pengkomersialan memainkan peranan penting dalam menggalakkan pemindahan pengetahuan, pertumbuhan ekonomi, mewujudkan peluang pekerjaan dan keusahawanan. Dalam tempoh RMKe-12, 50% daripada dana penyelidikan Kerajaan akan ditumpukan kepada penyelidikan pembangunan eksperimental dengan potensi pengkomersialan yang tinggi. Ini akan diselaraskan oleh Unit Pengurusan Penyelidikan (RMU) yang baru ditubuhkan di bawah Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. Matlamat Malaysia adalah untuk mengikut jejak kejayaan ekonomi yang telah beralih daripada negara berpendapatan sederhana kepada berpendapatan tinggi. Negara-negara ini telah melaburkan peratusan dana penyelidikan yang ketara dalam aktiviti penyelidikan yang dapat dikomersialkan.

## Pemangkin Dasar 3: Menambah Baik Ketersambungan dan Infrastruktur Pengangkutan

## Pemacu Perubahan XIII: Mentransformasi Ekosistem Logistik bagi Meningkatkan Kecekapan

Logistik merupakan sektor yang amat diperlukan bagi pertumbuhan ekonomi negara. Oleh itu, perkhidmatan logistik yang cekap adalah penting bagi memastikan pergerakan barang yang lancar. Walau bagaimanapun, industri yang tidak bersepadan, penerimagunaan teknologi yang rendah, perancangan dan pelaksanaan yang tidak terselaras serta tadbir urus yang lemah telah mengakibatkan kualiti perkhidmatan yang sederhana dan kos yang tinggi secara relatif.

Dalam RMKe-12, Kerajaan akan mentransformasi perkhidmatan logistik dengan memusatkan perancangan dan pembangunan hab logistik, mempercepat penerimagunaan teknologi dan menggalakkan penggabungan dan pengambilalihan dalam kalangan pemain industri. Agensi tunggal sempadan untuk fasilitasi perdagangan akan diwujudkan manakala rangka kerja kawal selia nasional akan digubal bagi pergudangan dan ekonomi maritim. Inisiatif ini akan mewujudkan penyedia perkhidmatan logistik yang berdaya tahan dan berdaya saing, meningkatkan daya saing perdagangan antarabangsa serta menambah baik struktur tadbir urus.

## Pemangkin Dasar 4: Memperkuuh Perkhidmatan Awam

## Pemacu Perubahan XIV: Mentransformasi Perkhidmatan Awam melalui Pendekatan Keseluruhan Kerajaan

Integriti, akauntabiliti dan ketelusan akan dipertingkat merentas perkhidmatan awam. Struktur dan fungsi kementerian dan agensi akan dikaji dan disusun semula bagi mewujudkan organisasi yang lebih mendatar, sekali gus mengurangkan kerena birokrasi, meningkatkan ketelusan serta menggunakan sumber secara optimum. Akta bagi perkhidmatan awam akan diperkenal untuk memperkuuh prinsip pengasingan kuasa antara cabang eksekutif, perundangan dan kehakiman. Kerajaan akan meningkatkan lagi budaya berdasarkan prestasi dalam perkhidmatan awam serta memperkuuh mekanisme pemilihan pegawai pengurusan tertinggi. Mekanisme pengambilan pegawai pengurusan dan profesional juga akan ditambah baik dalam memperoleh bakat yang terbaik. Di samping itu, usaha mempercepat pendigitalan dan pelaksanaan inisiatif di bawah Rangka Tindakan (Blueprint) Ekonomi Digital Malaysia dalam sektor awam akan meningkatkan lagi penyampaian perkhidmatan awam.

# Kesimpulan

RMKe-12 akan memberi tumpuan kepada beberapa keutamaan strategik yang akan mengubah Malaysia. Ia merupakan panduan yang amat penting kepada Malaysia dalam mengharungi cabaran pandemik COVID-19 dan ketidakpastian ekonomi global. RMKe-12 dirangka bagi menjana pemulihan ekonomi yang mampan serta menyediakan perlindungan sosial yang lebih baik untuk kumpulan masyarakat yang mudah terjejas.

Sepanjang lima tahun akan datang tumpuan akan diberikan kepada pencapaian tiga tema yang telah dikenal pasti iaitu menjana semula ekonomi, memperkuuh keselamatan, kesejahteraan dan inklusiviti serta melonjakkan kemampunan. Tema ini akan disokong oleh pemangkin dasar untuk bakat, teknologi, infrastruktur pengangkutan dan perkhidmatan awam, selaras dengan objektif kemakmuran, inklusiviti dan kemampunan di bawah WKB 2030 dan Agenda 2030.

